



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “PERJALANAN MENUJU AKHIRAT”

10 November 2023 / 26 Rabiul Akhir 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Para tetamu rumah Allah yang dimuliakan,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya; serta mengikhlaskan setiap amal. Semoga dipermudahkan perhitungan kita di Padang Mahsyar serta dicucuri rahmat Ilahi menjadi penghuni syurga Nya. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: “PERJALANAN MENUJU AKHIRAT”

Firman Allah SWT, ayat 15 surah Taha:

﴿إِنَّ السَّاعَةَ آتِيَةٌ أَكَادُ أُخْفِيهَا لِتُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍ بِمَا تَسْعَىٰ ﴿١٥﴾﴾

Bermaksud: Sesungguhnya hari kiamat itu pasti akan datang. Aku sengaja merahsiakan masa kedatangannya agar setiap orang dibalas sesuai dengan apa-apa yang diusahakan.

Setiap Mukmin wajib meyakini bahawa kehidupan di dunia hanya sementara manakala kematian itu suatu kepastian. Kematian ialah permulaan kepada terputusnya segala nikmat kehidupan dunia. Namun, kematian bukanlah penamat kehidupan, bahkan merupakan permulaan menuju kehidupan yang kekal abadi; kehidupan yang bermula daripada alam kubur sehingga berlaku kiamat, disusuli hari kebangkitan, hari perhimpunan di Padang Mahsyar, hari berlakunya perhitungan timbangan amal;

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



sehingga mendapat ketentuan Ilahi sama ada kita terpilih sebagai penghuni syurga atau pun dicampakkan ke neraka jahanam. Semoga kita dilindungi daripada azab api neraka.

Mengingati kematian membolehkan seseorang insaf akan pentingnya melakukan persiapan. Sabda Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar RA:

كُنْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فَجَاءَهُ رَجُلٌ مِنَ الْأَنْصَارِ فَسَلَّمَ عَلَيَّ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ فَأَيُّ الْمُؤْمِنِينَ  
أَكْيَسُ قَالَ: أَكْثَرُهُمْ لِلْمَوْتِ ذِكْرًا وَأَحْسَنُهُمْ لِمَا بَعْدَهُ اسْتِعْدَادًا أَوْلَيْكَ الْأَكْيَاسُ

Bermaksud: Aku pernah bersama Rasulullah SAW, lalu datang seorang lelaki dari kaum Ansar mengucapkan salam kepada Baginda lalu bertanya: Orang beriman manakah yang paling cerdas? Baginda menjawab: Yang paling banyak mengingat kematian dan paling baik persiapannya menuju kematian, merekalah yang paling cerdas."

(Hadis Riwayat Ibnu Majah)

### **Sidang Jemaah Rahimakumullah**

Perjalanan menuju akhirat dipenuhi pelbagai ujian. Ibarat musafir yang menempuhi perjalanan jauh lagi berliku, sudah tentu memerlukan persiapan bekalan yang mencukupi. Bekalan perjalanan akhirat bukanlah harta dan wang ringgit, pangkat atau jawatan, atau pun gelaran dan kemasyhuran, tetapi berbekalkan akidah yang benar, iaitu membenarkan Allah yang Maha Esa dan tidak mensyirikkan Nya, melakukan amalan soleh yang diperintahkan, serta bersungguh-sungguh menjauhi larangan Nya. Kehidupan di dunia hendaklah dimanfaatkan sebagai ladang untuk bercucuk tanam, yang hasilnya bakal dituai di alam akhirat.

Ummah pada setiap masa, wajib insaf, mempersiapkan diri untuk menemui perjalanan ke akhirat yang mungkin berlaku pada bila-bila masa. Semoga ketika sampai saat kita dipanggil kembali ke Rahmatullah, kita tidak merasa cemas dan gentar untuk menghadap Ilahi, disebabkan dosa daripada pelbagai sikap dan amalan buruk yang dilakukan semasa melalui kehidupan dunia. Insafkah kematian itu, semakin hari semakin hampir dengan kita. Oleh itu, adakah kita masih memilih mahu berdendam sesama insan dan terus bermusuhan? Adakah kita masih mahu menipu, mengambil harta orang lain, melakukan rasuah dan pecah amanah? Adakah kita memilih sengaja melengah dan tidak mahu membayar hutang dan terus memungkir janji? Adakah kita berterusan mengadu domba dan menyebarkan fitnah? Adakah kita mahu bersifat anak derhaka?



Apakah kita masih alpa dan cuai dari menunaikan solat dan zakat? Insafilah kesemua perbuatan dan sifat sedemikian akan menyukarkan perjalanan menuju akhirat.

### **Muslimin yang dirahmati Illahi,**

Ibadah pertama yang akan dihisab di mahkamah Allah Rabbuljalil ialah solat. Menjadi kewajipan ummah memastikan ibadah solat disempurnakan mengikut waktunya dengan mematuhi semua rukun yang ditetapkan. Solat merupakan prasyarat sebelum amalan-amalan lain ditimbang di Mahkamah Allah SWT.

Beruntunglah orang beriman kerana kematian tidak memutuskan semua amalannya. Peluang menambah amalan mahu pun mendapat keampunan selepas kematian, dinyatakan oleh Nabi SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim bahawa apabila mati, semua amalan anak Adam akan terputus melainkan tiga perkara; pertama: sedekah jariah (yang berterusan digunakan), kedua: ilmu yang bermanfaat, dan ketiga: anak soleh yang mendoakan kesejahteraan kedua ibu bapanya. Perbanyakkan tiga usaha ini terutama mempersiapkan anak-anak dengan penguasaan ilmu dan keimanan yang teguh.

Selain itu, doa orang beriman juga dapat membantu mereka yang telah mati mendapat kebaikan bahkan diampuni dosanya. Rasulullah SAW bersabda: Berkata Jibril AS; “Sesungguhnya Tuhanmu memerintah kamu menziarahi perkuburan ahli Baqi’ dan pohonlah keampunan untuk mereka”. (Hadis Riwayat Muslim)

Amalan sedekah mempunyai banyak kelebihan, antaranya menjadi hadiah pahala kepada orang yang sudah meninggal dunia. “Daripada Abdullah bin Abbas RA bahawa ibu Sa’ad bin Ubadah RA, meninggal dunia ketika beliau tiada (pada saat kematian ibunya). Lalu Sa’ad bin Ubadah RA datang kepada Nabi Muhammad SAW dan bertanya, "Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibu ku telah meninggal sedang aku tidak ada ketika kematiannya, adakah jika aku bersedekah untuknya, bermanfaat baginya"? Rasulullah SAW menjawab: "Ya." Lalu Saad berkata: "Saksikanlah, bahawa kebun ku yang banyak buahnya, aku sedekahkan pahala untuknya.” (Hadis Riwayat Bukhari)

Satu lagi amalan yang boleh dilakukan orang yang hidup kepada orang yang telah meninggal dunia ialah membaca al-Quran, dan berniat menghadihkan pahala bacaan al-Quran kepada roh orang yang telah meninggal dunia. Amalan ini menjadi khilaf dalam kalangan ulama’; namun Imam Ahmad bin Hanbal dan



sebahagian tokoh utama mazhab al-Syafie, berpandangan pahalanya akan sampai kepada si mati. Imam Al-Nawawi dalam kitab al-Azkar menganjurkan agar memohon kepada Allah SWT, supaya pahala bacaan al-Quran sampai kepada roh si mati.

### Jemaah yang dihormati,

Bagi menjauhi pertelingkahan dalam urusan pembahagian harta warisan, ummah dianjurkan agar membuat perancangan pengurusan harta untuk waris yang masih hidup; dengan tujuan memudahkan pengurusan pembahagian harta untuk diagihkan secara adil dan saksama. Pengurusan pembahagian harta yang teratur boleh dilaksanakan melalui kaedah hibah, wasiat atau pembahagian harta menurut hukum faraid. Amalan-amalan tersebut membuktikan Islam bukan hanya mengatur kehidupan orang yang hidup, malah mengambil kira menyediakan panduan apabila mereka kembali ke Rahmatullah.

### Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Kesimpulannya, kematian datang tanpa diduga. Beruntunglah orang yang sudah mempersiapkan dirinya dengan amal kebaikan. Beruntunglah mereka yang berada dalam ketenangan dan redha, ketika menyahut seruan Ilahi untuk kembali kepada Penciptanya. Firman Allah SWT di dalam surah al-Fajr ayat 27 hingga 30:

﴿يَأْتِيهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾ أَرْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾ فَأَدْخُلِي فِي عِبَادِي ﴿٢٩﴾  
وَأَدْخُلِي جَنَّتِي ﴿٣٠﴾﴾

Bermaksud: "...Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang! Kembalilah kepada Tuhanmu dalam keadaan redha (dengan segala nikmat yang diberikan) lagi diredhai (di sisi Tuhanmu). Maka masuklah kamu ke dalam golongan hamba Ku (yang berbahagia). Dan masuklah ke dalam Syurga Ku!".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ انصُرِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، وَفِي كُلِّ مَكَانٍ وَفِي كُلِّ زَمَانٍ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Bimbing kehidupan kami agar setiap saat dimanfaatkan dengan melakukan amal makruf sebagai bekalan menuju ke syurga Mu. Mudahkan perjalanan terakhir kami sewaktu ditetapkan untuk kembali ke Rahmatullah. Dan limpahi roh kami ketika berada di alam barzakh dengan limpah ihsan rahmat Mu, bagaikan berada dalam taman syurga Mu.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،  
وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ﴾.